

## Impak Rasuah Kepada Pertumbuhan Ekonomi

Sarah Dina Mohd Adnan<sup>1</sup>  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor

Mohd Adib Ismail<sup>2</sup>  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor

### ABSTRAK

Kertas kerja ini menganalisis pengaruh rasuah kepada pertumbuhan ekonomi. Untuk itu, kajian ini menggunakan data-data tahunan dari tahun 1993 hingga 2011 yang diperoleh dari Transparency International dan Bank Dunia. Sebanyak 90 negara dipilih sebagai sampel kajian. Kaedah analisis panel tidak seimbang digunakan untuk mengkaji pengaruh rasuah di negara-negara tersebut. Kajian ini mendapati bahawa rasuah memberi kesan yang pelbagai kepada pertumbuhan ekonomi. Negara yang mempunyai indeks rasuah yang rendah mempunyai hubungan yang positif antara rasuah dan pertumbuhan ekonomi. Manakala, bagi negara yang mempunyai indeks rasuah yang tinggi, rasuah memberi kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi. Walaubagaimanapun secara teknikalnya, dengan kewujudan rasuah, pekerjaan akan jadi tidak produktif sekaligus memberi sumbangan kepada kemerosotan ekonomi. Begitu juga penyelewangan akan banyak berlaku dengan rasuah dan turut menyumbang kepada ketidakstabilan ekonomi. Jadi, secara keseluruhannya rasuah tetap menjadi salah satu elemen dalam menghalang dan memberi kesan kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa rasuah yang berleluasa tidak baik untuk perkembangan ekonomi negara. Oleh itu, para penggubal dasar perlu memikirkan dan melaksanakan usaha pembanterasannya untuk meningkatkan kemajuan ekonomi.

Kata Kunci: Rasuah; Pertumbuhan ekonomi; Pelaburan langsung asing; Analisis panel.

### ABSTRACT

*This paper analyzes the influence of corruption on economic growth. Therefore, this study uses annual data from 1993 to 2011 which is obtained from Transparency International and the World Bank. A total of 90 countries has been selected for the study. Unbalanced panel of analytical methods used to study the influence of corruption in these countries. The study found that the impact of corruption on economic growth range. Countries with low corruption index has a positive relationship between corruption and economic growth. Meanwhile, the countries with high corruption index, corruption negatively affects economic growth. However, technically, the existence of corruption, would be counter-productive jobs while contributing to the economic downturn. Similarly, many irregularities will occur with corruption and contribute to economic instability. So, overall, corruption remains one of the elements in the block and have an impact on the economic development of a country. This finding also suggests that pervasive corruption is not good for the development of the national economy. Therefore, policy makers need to think about it and make an implement to fight against the corruption to enhance economic development.*

*Keywords: Corruption economic growth; foreign direct investment; Analysis panel.*

### PENGENALAN

---

<sup>1</sup> Penulis dihubungi. Tel: 6019-3717422, Email: [sarah.adnan89@gmail.com](mailto:sarah.adnan89@gmail.com)

<sup>2</sup> Tel: 603-8921 3301, Email: [mohadis@ukm.my](mailto:mohadis@ukm.my).

Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII)  
"Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju"  
Johor Bahru, 7 – 9 Jun 2013

Rasuah secara umumnya berasal dari perkataan arab iaitu yang berbunyi al-risywah. Dalam Al- Quran ia merupakan salah satu perbuatan yang boleh dianggap sebagai satu jenayah, batil dan amatlah tidak boleh di dalam Islam. Walau bagaimanapun, rasuah ini tidak mempunyai maksud yang spesifik di dalam undang-undang Malaysia. Akan tetapi, ada beberapa definisi yang telah diberi oleh beberapa pihak yang pakar dalam bidang ini. Di dalam kamus Concise Law Dictionary. P. G. Osborne memberi definisi rasuah ialah dengan memberikan atau menawarkan apa-apa ganjaran kepada mana-mana orang untuk mempengaruhi kelakuannya, atau menerima apa-apa hadiah. Ada pendapat kedua daripada John B. saunders pula dalam kamus Mozley and Whiteleys Law Dictionary memberi definisi rasuah dengan mengambil atau memberi wang untuk prestasi atau tidak prestasi terhadap kewajipan awam mereka sendiri.

Secara khusus pula, rasuah diklasifikasikan melalui Transparency International ialah satu kegiatan yang melibatkan penyalahgunaan kuasa yang diamanahkan untuk keuntungan peribadi. Ia menyakitkan semua orang yang bergantung kepada integriti orang dalam kedudukan yang berkuasa. Pendapat kedua menurut Transparency International ialah perilaku di jabatan-jabatan atau pejabat-pejabat awam, termasuklah para politikus dan pegawai-pegawai, yang secara tidak wajar dan tidak sah/menurut undang-undang, mengayakan diri atau memperkaya kerabatnya (keluarga dan sahabat handai), dengan menyalahgunakan kuasa dan kepercayaan awam yang diberi kepada mereka.

Melalui undang- undang dunia pula, rasuah merupakan satu perbuatan yang telah mencukupi kepada empat aspek iaitu melanggar undang-undang yang dikuatkuasakan, penyalahgunaan harta negara, merugikan negara dan memperkaya diri sendiri dan kerabat. Menurut perspektif dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Selain dari perbuatan yang jelas, memberi dan menerima sogokan, mengambil dan memberi sokongan (yang tidak sepatutnya diberi) melalui salah guna kuasa, atau campur tangan dengan motif yang tidak betul juga boleh dianggap sebagai rasuah.

Rasuah melalui perspektif Islam pula bermaksud sogokan, wang suap atau yang seumpama dengannya dengan tujuan yang satu iaitu agar pihak-pihak tertentu dapat mengurus dan menyelesaikan sesuatu hal yang dikehendakinya dengan segera dan menguntungkan. Berhubung dengan persoalan ini, Allah SWT telah berfirman dalam surah al-Maidah ayat 42 yang bermaksud:

"Mereka suka sekali mendengar perkataan yang dusta lagi sangat suka makan yang haram (seperti wang sogokan dan sebagainya)"

Hadis nabi SAW ada menyatakan :

"Dari Abu Hurairah r.a. bahawasanya Rasulullah SAW telah mengutuk orang yang memberi sogokan dan orang yang menerima sogokan dalam soal hukum menghukum"

(Riwayat Abu Daud & Tirmizi)

Sumber daripada Bahagian Hal Ehwal Islam Sabah (BAHEIS), Ibnu Mas'ud telah mentafsirkan ayat di atas seperti berikut iaitu sogokan (rasuah) dapat berlaku pada tiap-tiap sesuatu, barang siapa yang telah memberi sesuatu pemberian dalam sesuatu pembelaan kepada seseorang supaya pembelaan itu dapat mengembalikan yang hak atau dapat menolak kezaliman (aniaya) lantas diterimanya maka pemberian itu dinamakan sogokan juga.

Khairul Azhar Idris (2005) kebiasaannya, rasuah dijadikan sebagai salah satu jalan pintas seseorang untuk mengecapi kehidupan mewah atau dengan erti kata lain mahu menjadi kaya dalam masa singkat. Kebiasaannya orang yang melakukan budaya ini tidak memikirkan kesan buruk yang akan terjadi, sebaliknya mereka hanya memikirkan keuntungan kepada diri mereka. Sebagai umat Islam, keredhaan dan keberkatan daripada Allah SWT harus dititikberatkan dalam apa juga urusan. Islam sangat melarang umatnya daripada mengamalkan budaya ini.

David Ng (2006) menyokong dengan mengatakan, Bank Dunia mengandaikan rasuah ini sebagai satu ancaman yang terbesar kepada ekonomi dan pembangunan sosial. Ia membantutkan pembangunan negara dengan memporak- perandakan undang-undang dan juga melemahkan institusi asas dalam pembangunan ekonomi.

Menurut Axel Dreher et. al. (2007) yang menyatakan bahawa Bank Dunia menganggarkan lebih daripada USD 1 trilion telah digunakan untuk membayar rasuah bagi setiap tahun. Bagi mengatasi masalah rasuah tersebut perlulah pihak kerajaan meningkatkan penguatkuasaan dan mematuhi undang-undang kerana ia boleh meningkatkan pendapatan per kapita sesebuah negara sebanyak 400%. Dengan penyataan yang dijelaskan di atas, Bank Dunia mengandaikan bahawa sekiranya aktiviti rasuah dapat dihapuskan, maka peningkatan pendapatan per kapita akan meningkat sebanyak 400%. Jelas di sini menunjukkan bahawa rasuah ini meninggalkan kesan yang amat negatif

kepada masyarakat dan negara kerana pembangunan ekonomi sesebuah negara itu boleh terbantut akibat daripada amalan rasuah tersebut.

Raaj Sah (2007), perbincangan mengenai rasuah adalah penting kerana kegiatan rasuah akan melumpuhkan fungsi perjalanan sesuatu organisasi. Dengan adanya kegiatan rasuah, tiada sesiapa akan dapat mengagak tindakan seseorang atau hasil daripada sesuatu rancangan untuk masa depan. Kemajuan sesebuah negara bergantung kepada cerdik pandai dan profesional yang ada. Kegiatan rasuah akan hanya menghakis kepercayaan orang awam terhadap cerdik pandai negara kita. Selain itu pemerintahan menjadi lemah kerana setiap kali rasuah berlaku, maka pemerintah kehilangan hasil atau tergelincir daripada tindakan-tindakan yang sepatutnya. Umpamanya jika cuai terhadap sesuatu yang telah ditentukan, maka pemberian rasuah telah menggantikan wang cukai yang sepatutnya dikutip dan manfaatnya hanya dinikmati oleh segelintir pemberi rasuah. Kesan yang paling besar daripada gejala rasuah ini ialah akan menyebabkan pentadbiran sesebuah negara menjadi kucar-kacir.

Akibatnya, ia menimbulkan masalah lain seperti kemerosotan ekonomi, pengabaian kepentingan masyarakat dan sebagainya. Menurut Mohd Shauki Abd. Majid (2004), budaya rasuah juga boleh menghancurkan pentadbiran dan pemerintahan sesebuah negara. Seperti yang berlaku di Filipina yang mencatatkan sejarah kejatuhan kerajaan presiden Marcos dari tampuk kepimpinan disebabkan amalan rasuah yang tidak terbandung. Selain itu juga, ini akan secara langsung meningkatkan ketidakpercayaan orang ramai, termasuk pelabur dari dalam dan luar negara, sekali gus merosakkan imej negara pada mata dunia. Semua ini akan memberi sumbangan negatif terhadap usaha menarik pelaburan tempatan dan asing untuk menambah kegiatan ekonomi negara.

Oleh yang demikian, amalan rasuah ini haruslah segera dibanteras segera oleh negara. Ini kerana ia semakin jelas terbukti berdasarkan kepada situasi keadaan masa sekarang dan juga sejarah-sejarah yang terdahulu yang mana kesannya memberi kesan yang buruk sama ada daripada sudut politik, masyarakat sosial dan juga kepada ekonomi sesebuah negara.

Dalam pada itu juga, peranan pertumbuhan ekonomi ialah untuk mencapai tahap pembangunan dan prestasi ekonomi bagi sesebuah negara kerana ianya merupakan garis pengukur kepada pencapaian aktiviti ekonomi negara yang telah direncanakan. Namun demikian, persoalan yang timbul dan isu yang boleh dilihat adalah sama ada dengan peningkatan kadar rasuah bagi sesebuah negara boleh merencatkan pertumbuhan ekonomi ataupun sebaliknya.

Ini adalah kerana, berdasarkan kepada kajian-kajian lepas berpendapat bahawa rasuah juga adalah kalanya memberi kepentingan kepada pertumbuhan ekonomi. Namun begitu, banyak kajian lepas yang mengatakan ada pelbagai hubungan yang mengaitkan rasuah dan ekonomi, ada yang positif mahupun negatif. Oleh itu, kajian ini adalah untuk menilai semula hubungan tersebut antara rasuah dan juga ekonomi sendiri dengan mengambil kira tingkat kemajuan ekonomi yang berbeza. Tambahan pula, kajian ini ingin melihat hubungan kedua-duanya itu dengan lebih konklusif, jelas dan muktamad.

Berdasarkan sumber daripada perancangan dan pelaksanaan selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-10. Melalui konsep "1 Malaysia, Rakyat didahulukan Pencapaian diutamakan" yang diperkenalkan oleh Perdana menteri Malaysia yang keenam, Yang Amat Berhormat, Dato Seri Najib Tun Razak sejak peralihan rasminya sebagai perdana menteri pada 3 April 2009. Gagasan 1 Malaysia merujuk kepada enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang disasarkan oleh kerajaan dalam konteks untuk membela dan meletakkan kepentingan rakyat sentiasa diutamakan. Turut mengambil kira pendekatan yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan sendiri contohnya seperti Program Transformasi Kerajaan (GTP). Ia merupakan satu program terbesar bagi negara Malaysia dalam usaha untuk membanteras rasuah yang berlaku di kalangan rakyat Malaysia. Dua objektif GTP adalah untuk mentransformasikan kerajaan agar menjadi lebih efektif dalam penyampaian perkhidmatan dan bertanggungjawab atas keberhasilan yang menjadi keutamaan kepada rakyat dan memacu Malaysia ke arah melahirkan masyarakat yang maju, bersatu-padu dan saksama dengan standard kehidupan yang tinggi untuk semua. Ini juga sejajar dengan misi nasional ke arah mencapai Wawasan 2020 untuk Malaysia mencapai status negara maju sepenuhnya. Dan salah satu daripada bidang keberhasilan utama negara (NKRA) nya ialah mentransformasikan negara kepada negara bebas rasuah dengan pelbagai aktiviti membanteras rasuah.

Selain itu, dengan membuat perbandingan di antara negara maju seperti Denmark, negara sedang maju seperti Malaysia sendiri dan juga negara mundur seperti Myanmar, pihak Transparency International telah menunjukkan nilai positif bersih dari skala satu yang terdapat di jadual 1. Negara maju seperti Denmark telah mencapai nilai bersih dari rasuah dengan mempunyai skala di antara 1 ke 4 sahaja. Manakala bagi negara Malaysia mempunyai skala mencecah dari 33 hingga ke 56. Dan terakhir sekali Myanmar sebagai negara mundur menunjukkan betapa gejala rasuah membantutkan ekonomi negara itu dengan memegang skala dari 129- 178. Manakala pada jadual 2 pula merupakan statistik tangkapan rasuah di negara Malaysia dari tahun 2002 hingga ke 2012.

Maka dengan itu, kajian ini bertujuan untuk melihat sama ada pertumbuhan ekonomi Malaysia berdasarkan petunjuk Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dapat berkembang ataupun tidak, akibat daripada amalan rasuah tersebut. Maka diharap kajian ini akan memberi sesuatu yang bermanfaat kepada penggubal dasar iaitu pihak-pihak kerajaan ataupun pihak-pihak yang berwajib untuk menentukan arah tuju sebenar dasar pembangunan negara dan seterusnya pertumbuhan ekonomi negara dapat ditingkatkan. Selain itu diharap kajian ini juga dapat memberi penjelasan kepada teori ekonomi dan turut dapat memberi cadangan atau pembaharuan kepada kajian-kajian yang sedia ada.

Tambahan pula, objektif kajian ini adalah menjurus kepada apakah pengaruh- pengaruh rasuah terhadap pertumbuhan ekonomi tidak kiralah dari sudut positif mahupun negatif terhadap sesebuah negara. Seperti yang kita tahu, rasuah pada zaman era globalisasi sekarang sudah mula sinonim sejak dari dulu lagi sehingga sekarang terhadap banyak negara malahan juga Malaysia sendiri. Selain itu juga, kajian ini turut dijalankan adalah untuk menentukan nilai ufuk kadar penentuan rasuah di negara yang membezakan sama ada ia mempunyai nilai rasuah yang menjurus kepada positif atau sebaliknya iaitu negatif terhadap pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.

## KAJIAN LEPAS

Bagi mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai kesan rasuah terhadap pertumbuhan ekonomi ini, beberapa kajian telah dibuat melalui kajian-kajian yang lepas. Salah satu nya ialah kajian daripada Mendez dan Sepulveda (2006) yang membuktikan kesinambungan yang berlaku secara serentak di antara rasuah dan kadar pertumbuhan ekonomi. Kajian juga telah menunjukkan rasuah ini berkadar songsang dengan pertumbuhan ekonomi.

Toke S. Aidt (2009) juga menyokong kajian tersebut dengan turut mendedahkan hubungan negatif yang kuat di antara pertumbuhan pembangunan dan juga rasuah. Terdapat juga pernyataan yang menyatakan rasuah mungkin mempunyai sedikit kesan kadar purata pada kadar pertumbuhan KDNK per kapita, ia adalah satu sumber yang tidak membantu kepada pembangunan negara.

Seterusnya, bagi Mushfiq Swaleheen (2007) yang menyatakan bahawa simpanan bergantung kepada insentif dan keupayaan untuk menyimpan. Kajian perpustakaan membuktikan bahawa kebanyakan penentuan bagi simpanan adalah berkaitan insiden rasuah. Kajian beliau melihat dengan lebih mendalam hubungan antara rasuah dengan pelaburan di mana analisis empirik yang dibuat adalah melangkaui negara. Bukti yang ditunjukkan, secara langsung kadar simpanan negara kasar berkurangan akibat daripada galakan pelaburan. Kajian turut mendapati tahap pendapatan, kadar pertumbuhan pendapatan benar per kapita dan nisbah cukai-KDNK adalah perkara penting yang menunjukkan kesan rasuah kepada simpanan yang ditujukan. Keputusan yang di buat adalah penting di mana tahap rasuah itu dimasukkan dalam pertimbangan untuk menganalisis hubungan dengan penentunya. Bukti yang ditunjukkan dalam kajian beliau mendapati dengan pengurangan cukai akan meningkatkan kadar simpanan negara kasar sebanyak 6.1%.

Menurut Fahim A. Al-Marhubi (2000) pula, rasuah adalah penyebab kepada kelemahan dalam makroekonomi seperti kekurangan pelaburan dan menyebabkan pertumbuhan ekonomi yang lembab. Kajian beliau meluaskan kesan negatif rasuah dan dikatakan turut menyumbang kepada tingkat inflasi. Penyelidikan beliau meliputi 41 buah negara dan bukti kajian menunjukkan bahawa kadar rasuah yang tinggi menyumbang kepada kadar inflasi yang tinggi. Hubungan terbabit begitu kuat dengan memasukkan pemboleh ubah inflasi yang lain termasuklah tahap kebebasan bank pusat, ketidakstabilan politik dan juga bentuk pemboleh ubah lain. Dari perspektif dasar, kesan utama bagi kajian beliau ialah pembaharuan institusi ekonomi dan politik bagi mengukuhkan penguatkuasaan undang-undang dan juga mengurangkan amalan rasuah perlu menjadi agenda bagi setiap pembaharuan dasar.

Kajian daripada Bruce W. Finnie et al (2006), kajian beliau menggunakan analisis penjelasan ekonomi dan sosial pada masa sekarang dan masa lepas bagi fenomena pembangunan. Pemantauan beliau mengenai rasuah dari kalangan negara, pemilikan, kebebasan dan individualisme dianalisis dan dibincangkan. Interaksi ini membentuk satu model yang dinamakan *triad of strains* dengan tiga sudut, iaitu pemilikan tanggungjawab, penzahiran kebebasan dan kawalan rasuah. Semua aktiviti ekonomi bergantung kepada kawalan politik dan sosial. Namun analisis beliau menunjukkan bahawa kawalan ini selalunya boleh menjadi terlebih terutamanya kepada negara yang mengamalkan autokrasi. Bagi pembangunan yang optimum, perlu ada had bagi kawalan terbabit. Birokrasi yang di dorong oleh perundangan dan kuasa tanpa batasan berbanding dengan sebab kebiasaannya akan jatuh kerana kekurangan pertimbangan nilai manusia dan keperluan bagi pemilikan untuk membantu memastikan tindakan yang rasional.

Pak Hung Mo (2001) yang menjelaskan peranan rasuah dalam pertumbuhan ekonomi dengan menyediakan penganggar kuantitatif akibat rasuah ke atas pertumbuhan dan kepentingannya terhadap

saluran perubahan. Kajian rasuah beliau adalah tertumpu ke atas 54 buah negara yang terdapat dalam Corruption Perception Index (CPI). Dengan menggunakan penganggar kuasa dua terkecil (OLS), beliau mendapati dengan peningkatan 1% tingkat rasuah akan mengurangkan kadar pertumbuhan ekonomi dalam lingkungan 0.72%. Dalam perkataan lain ialah, dengan peningkatan satu unit dalam indeks persepsi rasuah akan mengakibatkan kadar pertumbuhan ekonomi menurun sebanyak 0.545 mata peratus. Apa yang paling penting dalam saluran yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi ialah ketidakstabilan politik, yang mana sebanyak 53% jumlah yang mempengaruhi dalam pertumbuhan ekonomi. Beliau juga mendapati rasuah boleh mengurangkan tingkat modal insan dan perkongsian pelaburan persendirian.

Paolo Mauro (1995) pula telah menggunakan data yang mengandungi indeks keberkesanan dan keluhuran birokrasi yang subjektif untuk menjelaskan bukti empirik kesan rasuah terhadap pembangunan ekonomi. Analisis kajian beliau meliputi 58 buah negara yang mana kajian ini mempunyai hubungkait di antara pelaburan dan rasuah. Padanan yang negatif antara rasuah dengan pelaburan dan pembangunan adalah signifikan dari sudut ekonomi dan statistik. Walaupun berhadapan dengan data yang terhad, artikel tersebut menunjukkan secara terperinci hubungan tersebut kuat bagi mengawal penentu piawai untuk pelaburan dan pertumbuhan. Secara jelasnya, terdapat bukti kesan birokrasi yang sama penting dalam penentu pelaburan dan pertumbuhan sebagaimana kestabilan politik.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan sumber-sumber daripada perpustakaan melalui jurnal-jurnal dan artikel yang telah diterbitkan mengenai kesan-kesan rasuah kepada pertumbuhan ekonomi negara. Kajian lepas yang dilakukan ini adalah untuk mengetahui apakah punca sebenar rasuah dan kesan nya yang serius kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Seterusnya, melalui kajian lepas yang dilakukan ini juga adalah untuk mengupas dan mengetahui cadangan-cadangan yang dikemukakan terhadap membanteras jenayah rasuah ini setelah mengetahui dapatan rasuah ini merupakan impak yang negatif kepada negara. Di samping itu, kepentingan dalam membanteras rasuah juga telah dikenal pasti boleh menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dan mampu mengubah serta memperbaiki kualiti institusi-institusi negara di masa akan datang. Tambahan lain pula pembacaan dan pengumpulan maklumat melalui laman web Transparency International juga turut membantu dalam kajian ini. Ianya bagi mendapatkan maklumat utama seperti mengetahui negara yang mendapat jumlah tertinggi sehingga yang terendah dalam jenayah rasuah di seluruh negara tersebut. Maklumat diambil melalui kajian terhadap Indeks persepsi rasuah (CPI) selama 32 tahun iaitu dari tahun 1980 sehingga 2012.

## **ANALISIS PERBANDINGAN DAN HASIL KAJIAN**

### **Sebab-Sebab Berlakunya Rasuah**

Antara punca-punca berlakunya adalah daripada kelemahan peribadi seperti kurang iman dan takwa. Seseorang itu tahu bahawa rasuah dilarang oleh agama dan undang-undang, tetapi dilakukan juga dengan seribu satu alasan peribadi. Hal ini termasuk dalam teori "Technique of Neutralization" oleh Grisham Sykes dan David Matza. Mereka mengatakan, "Lakukan rasuah secara rahsia asalkan tiada siapa yang tahu". Sikap mahu hidup mewah, riak, menunjuk-nunjuk, tamak, ingin cepat kaya dan sebagainya adalah pendorong berlakunya rasuah bagi mereka yang lemah keperibadiannya. Kelemahan kepimpinan dan pengurusan organisasi. Kepimpinan yang lemah menyebabkan kurangnya penyeliaan, tiada pemantauan, lembap menjalankan tugas dan terbuka kepada penyelewengan khususnya rasuah.

Antara sebab lain mungkin terjadi akibat daripada sosial dan budaya kita sendiri. Malaysia mengamalkan tradisi memberi hadiah dalam bentuk wang dan benda, sempena menyambut hari-hari kebesaran hari perayaan, majlis hari jadi, hari perkahwinan dan sebagainya. Hari yang baik ini memberi kesempatan kepada perasuah dan penerima rasuah melakukan rasuah sama ada diminta, disogok atau diumpun tanpa disedari.

Seterusnya ialah modenisasi. Pembangunan sosial ekonomi yang tidak diseimbangkan dengan pembangunan kerohanian akan memudahkan terjadinya rasuah. Projek pembangunan bercambah seperti cendawan tumbuh. Pengaliran wang juga akan meningkat. Golongan yang terlibat juga mengambil kesempatan untuk mengaut untung sebanyak-banyaknya. Perlumbaan moden memperlihatkan para kontraktor berlumba-lumba mendapatkan tender. Mereka juga akan berusaha

untuk memenangi hati pegawai pengurusan atau pembuat keputusan. Rasuah diberikan sebagai jalan pintas untuk mendapatkan tender, mempercepatkan bayaran, melepaskan hukuman atau tindakan jika gagal atau lambat menyiapkan projek dan sebagainya.

Selain itu Rasuah juga berlaku kerana wujudnya birokrasi dalam sistem pemerintahan yang secara tidak langsung memberi peluang kepada pegawai-pegawai kerajaan daripada berbagai-bagai peringkat mengambil kesempatan. Hal ini berlaku kerana proses pengurusan pentadbiran terpaksa melalui banyak saluran. Apabila keadaan ini berlaku, sudah tentulah pemprosesan sesuatu permohonan memerlukan masa yang lama atau panjang. Bagi individu yang terdesak atau mahu segera menyelesaikan masalah, mereka akan mudah memberikan imbuhan dengan harapan pemprosesan permohonan didahulukan oleh penerima rasuah. Oleh hal yang demikian, sudah tentu situasi ini akan menimbulkan perasaan tidak puas hati terhadap golongan yang tidak terlibat dengan rasuah.

Sebab yang terakhir ialah politik. Sesetengah ahli politik menggunakan kesempatan untuk berbakti kepada masyarakat dengan menerima dan memberi rasuah untuk mendapatkan kuasa, memenangi pemilihan jawatan politik, mengumpul kekayaan, menagih populariti dan sebagainya.

### **Kesan Kepada Negara**

Perbincangan mengenai rasuah adalah penting kerana kegiatan rasuah akan melumpuhkan fungsi perjalanan sesuatu organisasi. Dengan adanya kegiatan rasuah, tiada sesiapa akan dapat mengagak tindakan seseorang atau hasil daripada sesuatu rancangan untuk masa depan. Kemajuan sesebuah negara bergantung kepada cerdik pandai dan profesional yang ada. Kegiatan rasuah akan hanya menghakis kepercayaan orang awam terhadap cerdik pandai negara kita.

Selain itu pemerintahan menjadi lemah kerana setiap kali rasuah berlaku, maka pemerintah kehilangan hasil atau tergelincir daripada tindakan-tindakan yang sepatutnya. Umpamanya jika cuai terhadap sesuatu yang telah ditentukan, maka pemberian rasuah telah menggantikan wang cukai yang sepatutnya dikutip dan manfaatnya hanya dinikmati oleh segelintir pemberi rasuah.

Kesan yang paling besar daripada gejala rasuah ini ialah akan menyebabkan pentadbiran sesebuah negara menjadi kucar-kacir. Akibatnya, ia menimbulkan masalah lain seperti kemerosotan ekonomi, pengabaian kepentingan masyarakat dan sebagainya. Budaya rasuah juga boleh menghancurkan pentadbiran dan pemerintahan sesebuah negara. seperti yang berlaku di Filipina yang mencatatkan sejarah kejatuhan kerajaan presiden Marcos dari tampuk kepimpinan disebabkan amalan rasuah yang tidak terbandung.

### **Langkah-Langkah Mengatasi Rasuah**

Antara langkah yang boleh diambil bagi mengatasi isu rasuah ialah dengan memantapkan iman dan mengukuhkan jati diri. Keimanan dan keperibadian yang tinggi adalah benteng yang paling ampuh untuk membentaras gejala rasuah. Apabila setiap individu bencikan rasuah sama ada rakyat biasa, pemimpin, peniaga, atau jentera kerajaan bahkan sesiapa pun maka amalan rasuah dapat diatasi. Kekuatan Iman dan jati diri dapat menangkis habuan rasuah sekali pun tiada sesiapa tang tahu dan peluang terbuka luas di hadapan mata.

Menekankan bahaya rasuah dalam sistem pendidikan. Benci kepada rasuah akan dapat dihayati dalam diri sekiranya diajar dan dididik sejak zaman persekolahan lagi. Generasi yang dididik benci rasuah akan membesar menjadi individu yang lebih bertanggungjawab, amanah, ikhlas. Sistem pendidikan hanya membentuk generasi akan datang yang bebas daripada rasuah.

Tambahan pula, dengan meningkatkan lagi Penguatkuasaan Undang-Undang dan Hukuman. Siasatan dan penguatkuasaan undang-undang perlu dipergiatkan lagi agar masyarakat sedar betapa bahaya dan serius masalah rasuah jika tidak dibentaras dan dibendung untuk keselamatan negara. Selain itu para pengamal rasuah akan berfikir banyak kali sebelum cuba melakukan rasuah lantaran hukuman berat yang bakal diterima.

Langkah lain yang boleh diambil kira ialah dengan memudahkan urusan menggunakan ICT. Prosedur diproses yang panjang, sukar dan lambat perlu diperkemaskan dan dipermudahkan dengan menggunakan kelebihan ICT. Penggunaan borang, proses temu duga dan seumpamanya perlu diringkaskan supaya tidak membebaskan orang ramai khususnya para peniaga, kontraktor dan pelabur. Proses yang mudah dan telus dapat menghindari bahaya rasuah kerana tidak perlu disogok semata-mata untuk mempercepatkan proses.

### **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, kita dapati bahawa apabila berlakunya peningkatan dalam rasuah, secara tidak langsung ia akan membawa kepada penurunan pertumbuhan ekonomi KDNK Negara Malaysia. Oleh itu, pihak kerajaan Malaysia perlulah memastikan rasuah dapat diatasi dengan menggerakkan jentera kerajaan yang terdiri daripada pihak berkuasa tempatan untuk memantau aktiviti rasuah kerana kebanyakan penglibatan aktiviti rasuah ini adalah terdiri daripada kalangan penjawat awam yang berpangkat besar. Implikasi dasar ini patut diamalkan oleh negara yang mana kesan rasuah mengurangkan pertumbuhan ekonomi.

Antara implikasi yang boleh dilakukan ialah dengan melakukan pembaharuan dalam arena politik untuk mengurangkan penyelewengan politik dan menghapuskan peluang untuk melakukan sebarang aktiviti rasuah. Kemudian, perlu juga memperkukuhkan institusi penguatkuasaan undang-undang terutama SPRM, Badan Kehakiman dan Polis. Penguatkuasaan mereka perlu diwujudkan secara terang-terangan untuk memastikan kepercayaan orang ramai terhadap institusi-institusi tersebut. Selain itu, menegakkan kedaulatan undang-undang tanpa rasa takut atau pilih kasih terutamanya kes-kes yang serius. Dan ianya tidak seharusnya mempunyai gugur pendakwaan secara sewenang-wenangnya.

Tambahan lain untuk implikasi dasar perlu merombak Akta Rahsia Rasmi (OSA) dan memperkenalkan Akta Kebebasan persekutuan Maklumat (FOI) Tindakan tegas dan konsisten dalam menegakkan ketelusan dan akauntabiliti dalam proses perolehan awam. Menangani rasuah secara sistematik dengan memberi tumpuan kepada sektor-sektor tertentu melalui penglibatan semua pihak yang berkepentingan. Sebagai contoh, gabungan yang melibatkan CIDB, kontraktor, badan-badan profesional dan pihak lain dalam industri pembinaan boleh ditubuhkan untuk memacu inisiatif dalam usaha untuk mengurangkan rasuah. Meningkatkan lagi undang-undang kepada pemberi maklumat untuk memberi perlindungan yang lebih luas kepada mereka yang berusaha memberi maklumat tentang penglibatan pihak-pihak tertentu terhadap rasuah.


## RUJUKAN

- Ab. Razak Dan. 2000. *Kajian Ekonomi Pembangunan*. Nor Aini Haji Idris & Ab. Razak Dan (pnyt). Teori Pertumbuhan Dan Pembangunan Ekonomi. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Marhubi, Fahim A. 2000. Corruption and inflation. *Economic Letters*. 66: 199-202.
- Bruce, W. F. Linda K. G & David E. M. 2006. Economic development: corruption, complexity, wealth and a contribution to the theory of economic growth. [www.emeraldinsight.com/0828-8666.htm](http://www.emeraldinsight.com/0828-8666.htm). 22(4): 185-204
- Ng. David. 2006. The impact of corruption on financial markets. [www.emeraldinsight.com/0307-4358.htm](http://www.emeraldinsight.com/0307-4358.htm). 30(10): 822-836.
- Pak, Hung Mo. 2001. Corruption and economic growth. *Journal of Comparative Economics*. 29: 66-79
- Syed Hussien Al-Attas. 1995. *Rasuah, Sifat Sebab Dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Swalehen, Mushfiq. 2007. Corruption and saving in a panel of countries. *Journal of Macroeconomics* (2007). 1-23
- Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus - 2003Gejala sosial dalam masyarakat Islam: punca dan penyelesaian
- Muhamad Ali Embi. 2008. Cabaran dunia pekerjaan
- Brian P. Loughman, Richard A. Sibery. 2011. *Bribery and Corruption: Navigating the Global Risks*
- David Lawler. 2012. Frequently Asked Questions on Anti-Bribery and Corruption
- Bersama Kita Hapuskan Rasuah. 2012. Bennard A/L Selvarajo. <http://www.sprm.gov.my/artikel.html>
- Kesedaran Rasuah Rendah. 2012. Datuk Ahmad Khusairi Datuk Yahaya. <http://www.sprm.gov.my/artikel.html>
- Isu Dan Cabaran Memerangi Rasuah. 2012. Dato' Ahmad Khusairi Bin Yahaya. <http://www.sprm.gov.my/artikel.html>
- Rasuah Dalam Politik. 2012. Pps Faridah Mahabob. <http://www.sprm.gov.my/artikel.html>
- <http://tatiuc.edu.my/syahrul/Rasuah.htm>
- Irene Hors. 2000. Trade Facilitation and the Fight Against Corruption in Customs Administration in Developing Countries and Emerging Economies. Technical Paper, December 2000.
- David Stasavage and Cecile Daubree. 1998. Determinants of Customs Fraud and Corruption: Evidence from Senegal and Mali
- Tanzi, V. & Davoodi. H. R. (2000). Corruption, Growth, and Public Finances. Working Paper No 182. International Monetary Fund.
- Tanzi, V., & Davoodi. H. R. (1997). Corruption, Public Investment and Growth. Working Paper No. 139, International Monetary Fund.

Wei, S. (2000). How Taxing is Corruption on International Investors?. Review of Economics and Statistics, 82, 1-11.

NEGARA	DENMARK	MALAYSIA	MYANMAR
2002	2	<b>33</b>	-
2003	3	<b>37</b>	129
2004	3	<b>39</b>	142
2005	4	<b>35</b>	155
2006	4	<b>44</b>	160
2007	1	<b>43</b>	179
2008	1	<b>47</b>	178
2009	2	<b>56</b>	178

Jadual 1: Sumber dari Transparency International



Jadual 2: Sumber daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia